



AGRO TAKAFUL FLEXI



**FLEKSIBILITI UNTUK
ANDA MENJALANI
KEHIDUPAN SEPENUHNYA**

Sesuaikan perlindungan mengikut
keperluan anda dengan Agro Takaful **Flexi**



IMBAS KOD QR UNTUK
MAKLUMAT LANJUT



KUNCI BAGI MENJAMIN MASA DEPAN UNTUK KELUARGA ANDA

Andalah segala-galanya bagi keluarga anda. Kami memahami bahawa jaminan kehidupan dan masa depan mereka adalah penting, tanpa mengira sebarang peristiwa yang tidak dijangka.

Kami dengan bangganya, memperkenalkan **Agro Takaful Flexi**, pelan takaful komprehensif yang memenuhi keperluan dan kepelbagai keadaan kewangan anda. Pelan ini memastikan keluarga anda menerima perlindungan secara menyeluruh.



KEUNIKAN PRODUK



PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF

Pelan perlindungan yang menyeluruh meliputi kematian, Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK), Penyakit Kritis dan kejadian lain di luar jangkaan yang boleh mengubah kehidupan dan kewangan anda.



KESESUAIAN

10 manfaat tambahan yang boleh ditambah berdasarkan keperluan dan status kewangan anda.



HIBAH

Tinggalkan legasi untuk orang yang anda sayangi bagi menjamin masa depan mereka.



SIMPANAN

Anda boleh memilih daripada 5 pilihan pelaburan yang sesuai dengan matlamat kewangan anda. Pulangan pelaburan yang diperolehi boleh dijadikan simpanan masa depan anda.



PENCAPAIAN

Raikan pencapaian pendidikan anak-anak anda dengan ganjaran wang tunai.



PATUH SYARIAH

Capai matlamat kewangan anda melalui perlindungan dan pelaburan patuh Syariah.



MANFAAT PRODUK

Pilihan berada di tangan anda. Tentukan pelan perlindungan anda dengan menambah mana-mana daripada 10 manfaat tambahan (rider) mengikut keperluan perlindungan yang anda inginkan.



PERLINDUNGAN PERUBATAN

- **myMedic** – meliputi kos perubatan sekiranya anda dimasukkan ke hospital atau bagi tujuan pembedahan.
- **myHospital Cash** – menerima elaun tunai harian sekiranya anda dimasukkan ke hospital.



PERLINDUNGAN PENYAKIT KRITIKAL

- **myCritical Illness**
- **myMultipay Critical Illness**

Perlindungan sehingga 48 jenis penyakit kritikal, terhad kepada satu pilihan bagi rider yang dinyatakan di atas.

Nota: 48 Penyakit Kritikal termasuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, tetapi keadaan ini tidak terpakai untuk *myMultiPay Critical Illness*, *myWaiver*, *myPayor* dan *myPayor Plus*.



PERLINDUNGAN KEMALANGAN

myPA & myIhram – menerima manfaat tambahan sekiranya anda meninggal dunia atau KMK disebabkan oleh kemalangan.



SIMPANAN MASA HADAPAN

mySaver – tambah nilai pelaburan anda ke dalam mana-mana dana pelaburan berikut:

- i. Dana **myBalanced**
- ii. Dana **myBlue Chips**
- iii. Dana **myDividend**
- iv. Dana **myEquity Index**
- v. Dana **myGrowth**



PENGECUALIAN CARUMAN

Perlindungan anda akan kekal aktif sehingga akhir tempoh sijil dengan **myWaiver** walaupun anda didiagnosis dengan mana-mana 47 penyakit kritikal.

Jika anda menyertai pelan ini untuk melindungi pasangan atau anak-anak anda, anda tidak perlu risau tentang perlindungan mereka sekiranya anda meninggal dunia, KMK atau Penyakit Kritikal jika anda menambah **myPayor** atau **myPayor Plus**.



BAGAIMANA PELANINI MEMBANTU MEREALISASIKAN PELAN KEWANGAN ANDA?

Untuk memahami pelan ini dengan lebih lanjut, berikut adalah 2 senario untuk rujukan anda:

Pelan Perlindungan untuk En. Saufi

SENARIO 1

En. Saufi berumur 35 tahun, merupakan seorang pemilik kedai runcit yang mempunyai keluarga dengan dua cahaya mata. Beliau inginkan pelan perlindungan yang boleh memberikan ketenangan fikiran untuknya. En. Saufi telah menyertai **Agro Takaful Flexi** dengan caruman **RM420 sebulan sehingga beliau berumur 70 tahun.**



Pelan Asas Jumlah Perlindungan RM100,000	myMultipay Critical Illness Jumlah Perlindungan RM100,000
myHospital Cash Jumlah Perlindungan RM100/hari	myMedic – Bilik & Penginapan Jumlah Perlindungan RM350/hari
myWaiver – Caruman dikecualikan selepas didiagnos dengan Penyakit Kritis	

APAKAH PERLINDUNGAN/MANFAAT YANG DIPEROLEHI DARIPADA PELANINI?

KEMATIAN (Apa juu sebab) – Keluarga beliau (benefisiari) akan menerima:

- RM10,000 sebagai Manfaat Perbelanjaan Kematian dipercepatkan bagi menampung perbelanjaan pengebumian; dan
- RM90,000 sebagai baki jumlah perlindungan untuk mereka menjalani kehidupan dengan selesa ("Hibah").

KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL – Beliau akan menerima RM100,000 sebagai manfaat yang boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan hidup dan membayar rawatannya kerana beliau tidak lagi mampu untuk bekerja.

KEMASUKAN KE HOSPITAL (Akibat kemalangan atau penyakit) – Bil hospital beliau akan dibayar sehingga RM700,000 setahun. Beliau layak tinggal di bilik berharga RM350/hari. Pada masa yang sama, beliau akan menerima manfaat tunai harian sebanyak RM100/hari mengikut tempoh beliau dimasukkan ke hospital.

PENYAKIT KRITIKAL – Beliau akan menerima jumlah RM100,000 sekaligus yang dapat digunakan sebagai:

- i. Penggantian pendapatan kerana terpaksa berhenti kerja; atau
- ii. Membayar rawatan perubatan dan peralatan.

Caruman untuk masa depan akan dikecualikan dan beliau masih boleh menikmati baki manfaat sehingga tempoh matang sijil pada umur 70 tahun.

SEKIRANYA HIDUP SEHINGGA TEMPOH MATANG (Usia 70 tahun) – Sekiranya beliau kekal sihat sehingga umur 70 tahun, beliau akan menerima 100% daripada baki nilai akaunnya, jika ada.

Senario di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.



BAGAIMANA PELANINI MEMBANTU MEREALISASIKAN PELAN KEWANGAN ANDA?

Pelan Persaraan untuk En. Khalid

SENARIO 2

En. Khalid berumur 35 tahun, dan ingin bersara pada umur 60 tahun. Beliau mempunyai sebuah ladang yang diuruskannya sendiri. Apabila bersara kelak, En. Khalid ingin mempunyai wang tunai yang cukup untuk kelangsungan hidup dan pada masa yang sama, dilindungi sepanjang tempoh beliau bekerja. Beliau menyertai **Agro Takaful Flexi** dengan caruman **RM662 sebulan sehingga umurnya 60 tahun.**



Pelan Asas Jumlah Perlindungan RM350,000	mySaver Caruman RM500/bulan
myWaiver Pengecualian caruman apabila diagnos dengan Penyakit Kritis	myPA Jumlah Perlindungan RM350,000

APAKAH PERLINDUNGAN/MANFAAT YANG DIPEROLEHI DARIPADA PELANINI?

KEMATIAN (Apa juga sebab) – Keluarga beliau (benefisiari) akan menerima:

- RM10,000 sebagai Manfaat Perbelanjaan Kematian dipercepatkan bagi menampung perbelanjaan pengebumian; dan
- RM340,000 sebagai baki jumlah perlindungan untuk mereka menjalani kehidupan dengan selesa (“Hibah”).

KEMATIAN (Akibat kemalangan) – Keluarga beliau akan menerima manfaat tambahan sebanyak RM350,000. Oleh itu, jumlah manfaat yang akan diterima keluarganya adalah RM700,000.

KEMATIAN (Akibat kemalangan ketika dalam perjalanan sebagai penumpang dalam pengangkutan awam)

– Keluarga beliau akan menerima manfaat tambahan sebanyak RM700,000. Oleh itu, jumlah manfaat yang akan diterima keluarganya adalah RM1,050,000.

KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL – Beliau akan menerima RM350,000 sebagai manfaat yang boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan hidup dan membayar rawatannya apabila beliau tidak lagi mampu untuk bekerja.

PENYAKIT KRITIKAL – Caruman masa depan akan dikecualikan dan simpanan akan terus meningkat sehingga matang.

SEKIRANYA HIDUP SEHINGGA TEMPOH MATANG (Usia 60 tahun) – Sekiranya beliau sihat sehingga berumur 60 tahun, beliau akan menerima 100% daripada baki nilai akaunnya dengan jumlah anggaran RM263,750* termasuk simpanan yang telah dicarum setiap bulan setelah tamat tempoh sijilnya. Beliau boleh menggunakan wang tersebut untuk menikmati kehidupan persaraannya.

*Jumlah unjuran adalah berdasarkan peruntukan 100% kepada Dana **myBalanced** dengan 5% keuntungan pelaburan tahunan. Sila ambil perhatian bahawa pulangan sebenar mungkin berbeza berdasarkan prestasi sebenar dana.



CIRI – CIRI ASAS PELAN

UMUR KEMASUKAN	Umur Orang Dilindungi adalah dari 14 hari hingga 70 tahun. Jika anda menyertai pelan ini untuk pasangan atau anak-anak anda, anda mestilah berumur 19 tahun ke atas. Nota: Umur di atas merujuk kepada Hari Lahir Akan Datang.
JUMLAH PERLINDUNGAN	Untuk perlindungan asas kematian dan KMK: <ul style="list-style-type: none">• minimum: RM10,000• maksimum: tertakluk kepada pengunderaitan Nota: Setiap manfaat tambahan mempunyai jumlah perlindungan minimum dan maksimum masing-masing.
TEMPOH PERLINDUNGAN	Boleh pilih untuk dilindungi sehingga umur 25, 60, 70 atau 80 tahun.
TEMPOH BAYARAN CARUMAN	Bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan.
MANFAAT KEMATIAN	Sekiranya berlaku kematian semasa tempoh perlindungan, jumlah sekaligus yang bersamaan dengan yang berikut akan dibayar: <ul style="list-style-type: none">• jumlah perlindungan asas selepas ditolak Manfaat Perbelanjaan Kematian; dan• jumlah nilai akaun*, jika ada. Nota: *Jumlah nilai akaun merujuk kepada sebarang baki dalam Akaun Peserta (AP) dan ditambah dengan sebarang baki dalam Dana Berkaitan Pelaburan, jika berkenaan.
MANFAAT KMK	Sekiranya berlaku KMK sebelum berumur 70 tahun pada hari lahir yang berikutnya dan semasa tempoh perlindungan, anda akan menerima jumlah sekaligus yang bersamaan dengan: <ul style="list-style-type: none">• jumlah perlindungan asas; dan• jumlah nilai akaun, jika ada.



CIRI – CIRI ASAS PELAN

MANFAAT PERBELANJAAN KEMATIAN DIPERCEPATKAN

Sekiranya berlaku kematian semasa tempoh perlindungan, jumlah sekaligus yang bersamaan dengan yang berikut akan dibayar, tanpa sebarang pertanyaan atau soalan:

- i. 10% daripada jumlah perlindungan asas anda; atau
- ii. sehingga RM10,000.

Manfaat ini akan dibayar terlebih dahulu dan jumlahnya akan ditolak daripada jumlah perlindungan asas.

Jenis Peperiksaan	Kelayakan Min.	Ganjaran Setiap Peringkat ³
SPM/GCSE ¹	7A	RM125
STPM	3A	RM125
STAM ²	7 Mumtaz	RM125
A Level	3A	RM125

Nota:

¹GCSE adalah singkatan kepada Sijil Am Pendidikan Menengah, bersamaan dengan SPM.

²STAM adalah singkatan kepada Sijil Tinggi Agama Malaysia, setaraf STPM, yang ditawarkan kepada pelajar Tingkatan 6.

³Gred A merujuk kepada A-, A dan A+.

Pembayaran ganjaran adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Sijil mesti berkuat kuasa sekurang-kurangnya 1 tahun sebelum anak menduduki peperiksaan.
- ii. Bayaran caruman adalah yang terkini.
- iii. Ganjaran untuk setiap peperiksaan adalah berdasarkan satu jangka hayat.

MANFAAT GANJARAN KECEMERLANGAN PENDIDIKAN (untuk kes kanak - kanak sahaja - myPayor atau myPayor Plus wajib disertakan)

Jumlah nilai akaun pada tarikh matang, jika ada, akan dibayar.

CARUMAN

- i. Kadar caruman berbeza mengikut jumlah perlindungan, umur kemasukan, jantina dan status merokok orang yang dilindungi.
- ii. Caruman tambahan disebabkan oleh beban perubatan dan/atau beban pekerjaan boleh dikenakan tertakluk kepada keputusan pengunderitan.



YURAN DAN CAJ

YURAN	PENERANGAN
Yuran Wakalah	<p>Ini adalah untuk menguruskan perlindungan anda. Yuran diperolehi daripada caruman yang dibayar oleh anda dan ditolak dengan kadar peruntukan caruman.</p> <p><i>Wakalah</i> merujuk kepada kontrak di mana satu pihak sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain untuk bertindak bagi pihaknya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diwakilkan. Di bawah pelan ini, Takaful Malaysia telah diberi kuasa untuk menguruskan pelan anda dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima Yuran Wakalah untuk perkhidmatan yang diberikan.</p>
Caj Perkhidmatan	<p>Terpakai untuk perlindungan asas dan manfaat tambahan (rider):</p> <ul style="list-style-type: none">• RM5/bulan untuk sijil asas dan myMedic• RM1/bulan untuk manfaat tambahan yang lain (kecuali mySaver)
Caj Pengurusan Dana (hanya untuk Dana Berkaitan Pelaburan)	<p>Minimum: 1.0% daripada NAB setahun Maksimum: 1.5% daripada NAB setahun Nota: NAB merujuk kepada Nilai Aset Bersih.</p>
Caj Serahan	Tiada Caj
Caj Pengeluaran Separa	Tiada Caj
Caj Pertukaran Dana	Tiada Caj



NOTA PENTING

- Takaful adalah skim bantuan bersama (Ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) ke dalam dana kumpulan, iaitu Akaun Khas Peserta, yang akan digunakan untuk membantu antara satu sama lain. Tabarru' merujuk kepada derma, dan di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian daripada caruman mereka untuk membantu peserta lain. Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") akan melabur dan menguruskan dana ini bagi pihak peserta dengan strategi pelaburan yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah.
- Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang perlu dibayar untuk pelan ini adalah jumlah yang anda mampu.
- Jumlah prinsipal dan keuntungan pelaburan yang terhasil daripada Akaun Peserta (AP) dan Dana Berkaitan Pelaburan (jika ada) tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.
- Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah caruman yang telah anda bayar.
- Anda dinasihatkan untuk membuat bayaran caruman secara berkala untuk mendapatkan perlindungan yang berterusan. Sijil anda akan luput dan perlindungan akan ditamatkan apabila baki di dalam AP dan Dana Berkaitan Pelaburan (jika ada) telah habis.
- Anda mungkin menerima jumlah nilai akaun (jika ada) semasa penyerahan atau kematangan, yang mungkin kurang daripada jumlah caruman yang telah anda bayar.
- Sebarang semakan yuran dan caj atau caruman akan dibuat pada ulang tahun sijil, dan Takaful Malaysia akan memaklumkan kepada anda dengan memberi notis seawal tiga puluh (30) hari.
- Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalender dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda menyemak dan memutuskan sama ada anda ingin meneruskan pelan tersebut. Jika anda memilih untuk tidak meneruskan pelan, anda boleh membatalkan sijil dan boleh mendapat bayaran balik penuh bagi caruman yang telah dibayar.
- Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan adalah tidak menyeluruh. Takaful Malaysia dengan ini menafikan sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk sekiranya anda mengalami kerugian dengan hanya bergantung kepada maklumat yang terkandung di dalam ini.
- Anda mungkin layak mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah kategori Takaful keluarga (hayat), perubatan dan pendidikan. Untuk kategori pendidikan, anda mesti menyertakan **myPayor** atau **myPayor Plus**. Pelepasan cukai adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.



PENGECUALIAN

KEMATIAN

Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah sijil untuk kematian orang yang dilindungi yang disebabkan oleh bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan atau sebarang Tarikh Kuat Kuasa Semula, mengikut mana-mana yang terkemudian.

KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL (KMK)

Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah sijil untuk KMK orang yang dilindungi:

- i. yang telah wujud sebelum atau pada Tarikh Permulaan atau Tarikh Kuat Kuasa Semula sijil mengikut mana-mana yang terkemudian;
- ii. secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, berkaitan dengan atau disebabkan oleh sebarang keadaan sedia ada di mana KMK berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan yang pertama dari Tarikh Permulaan atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Sijil mengikut mana-mana yang terkemudian; atau
- iii. yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:
 - cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
 - penerbangan, peluncuran atau sebarang jenis penerbangan di udara selain juruterbang, anak kapal atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
 - peperangan (yang diisyihar atau tidak diisyihar), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
 - sebarang pelanggaran undang-undang atau sebarang aktiviti jenayah dilakukan oleh orang yang dilindungi, atau cuba dilakukan atau diprovokasi oleh orang yang dilindungi;
 - semasa di bawah pengaruh alkohol, dadah atau bahan pengubah minda; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

Pengecualian dan had yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruhan dan anda harus merujuk kepada sijil untuk maklumat lanjut.

Bahagian halaman ini sengaja dikosongkan



PENAFIAN

- Visual adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
 - Institusi Perbankan Islam sepenuhnya sejak Julai 2015.
 - Tertakluk kepada terma dan syarat dan perubahan dari semasa ke semasa.
 - Brosur ini menyediakan maklumat am sahaja. Ia bukan Kontrak Takaful.
 - Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada ilustrasi pemasaran, sijil dan helaian penerangan produk untuk maklumat terperinci mengenai ciri-ciri penting, pengecualian, terma dan syarat pelan untuk pemahaman yang lebih menyeluruh sebelum menyertai pelan ini.
 - Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pusat Panggilan Agrobank** di **1-300-88-2476** atau layari di **www.agrobank.com.my** atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank di seluruh negara.
-

Diedarkan oleh:



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (811810-U)
Lebuh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur, Malaysia.

Diuruskan oleh:



SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD 198401019089 (131646-K)
Dilesenkan di bawah Akta Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur.
www.takaful-malaysia.com.my



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Protecting Your Insurance And Deposits In Malaysia

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).





AGRO TAKAFUL FLEXI



**FLEXIBILITY
TO LIVE YOUR LIFE
TO THE FULLEST**

Tailor your protection according to
your needs with Agro Takaful Flexi



SCAN QR CODE
FOR MORE INFO



YOUR KEY TO SECURING THE FUTURE FOR YOUR FAMILY

To your family, you are everything. We understand that securing their lives and the future is crucial, regardless of any unexpected life events.

We are proud to introduce **Agro Takaful Flexi**, a comprehensive takaful plan that caters to your needs and financial diversity. This plan ensures your family receives comprehensive protection.



PRODUCT UNIQUENESS



COMPREHENSIVE COVERAGE

A wide coverage plan against death, Total and Permanent Disability (TPD), Critical Illness (CI) and other unforeseen events that may alter your life and finances.



FLEXIBILITY

10 additional riders that can be added based on your needs and financial status.



HIBAH

Leave a legacy for your loved ones to secure their future.



SAVINGS

5 options for investment funds that you can choose from, for future usage. The return of the investment can become your savings if you choose to keep them.



ACHIEVEMENT

Celebrate the educational achievements of your children with cash rewards.



SHARIAH-COMPLIANT

A Shariah-compliant financial planning tool which allows you to achieve your financial goals through Shariah-compliant investments.



PRODUCT BENEFITS

The choice is in your hand. Customise your coverage plan by adding any of the 10 additional riders as per your desired coverage needs.



MEDICAL COVERAGE

- **myMedic** – cover your medical costs in the event of hospitalisation and surgery.
- **myHospital Cash** – receive a daily cash allowance if you are admitted to the hospital.



CRITICAL ILLNESS COVERAGE

- **myCritical Illness**
- **myMultipay Critical Illness**

Choose one of these riders for coverage against up to 48 types of critical illnesses.

Notes: 48 types of CI include Angioplasty and Other Invasive Treatments for Coronary Artery Disease, but this condition is not applicable for *myMultiPay Critical Illness*, *myWaiver*, *myPayor* and *myPayor Plus*.



ACCIDENTAL COVERAGE

myPA & myIhram – receive additional benefit in case of your death or TPD due to an accident.



FUTURE SAVINGS

mySaver – increase your investment value in any of the following investment funds:

- | | |
|------------------------------|--------------------------------|
| i. myBalanced Fund | iv. myEquity Index Fund |
| ii. myBlue Chips Fund | v. myGrowth Fund |
| iii. myDividend Fund | |



CONTRIBUTION WAIVER

Your coverage will remain active until the end of the certificate term with **myWaiver** even when you are diagnosed with any of the 47 critical illnesses.

If you participate in the plan to cover your spouse or children, you do not have to worry about their coverage if you attach **myPayor** or **myPayor Plus** in the event of your death, TPD or CI.



HOW DOES THIS PLAN HELP REALISE YOUR FINANCIAL PLAN?

To understand this plan further, here are two scenarios for your reference:

Protection Plan for Mr. Saufi

SCENARIO 1

Mr. Saufi is a 35-year-old grocery store owner who has a family with two children. He wants a protection plan that can give him peace of mind. Mr. Saufi has participated in **Agro Takaful Flexi** with a contribution of **RM420 per month until he is 70 years old**.



Basic Plan Sum Covered RM100,000	myMultipay Critical Illness Sum Covered RM100,000
myHospital Cash Sum Covered RM100/day	myMedic – Room & Board Sum Covered RM350/day
myWaiver – Waiver of contribution upon diagnosis with CI	

WHAT DOES THE PLAN COVER?

DEATH (For any reason) – His family (beneficiaries) will receive:

- RM10,000 as Accelerated Death Expense Benefit in advance to cover the funeral expenses; and
- RM90,000 as the balance of the sum covered for them to live their life comfortably ("Hibah").

TOTAL AND PERMANENT DISABILITY – He will receive RM100,000 as benefit which he can use to support his living expenses and pay for his treatment since he is no longer fit to work.

HOSPITALISATION (Due to accident or illness) – His hospital bill will be paid up to RM700,000 a year. He is eligible to stay in a room for RM350/day. At the same time, he will receive a daily cash benefit of RM100/day according to the admission period.

CRITICAL ILLNESSES – He will receive a lump sum of RM100,000 which he can use as:

- i. An income replacement if he can no longer work; or
- ii. Pay for the medical treatments and equipment.

The future contribution will be waived and he can still enjoy the remaining benefit until the certificate maturity at the age of 70.

IF ALIVE UNTIL MATURITY (70 years old) – If he is healthy until the age of 70, he will receive 100% of his remaining account value, if any.

The above scenario is for illustration purposes only.



HOW DOES THIS PLAN HELP REALISE YOUR FINANCIAL PLAN?

Retirement Plan for Mr. Khalid

SCENARIO 2

Mr. Khalid is a 35-year-old man who wants to retire at 60. He manages a farm himself. When retirement comes, Mr. Khalid wants to have protection and secure enough cash throughout his working life. He participated in **Agro Takaful Flexi** by contributing **RM662 per month until he is 60 years old**.



Basic Plan Sum Covered RM350,000	mySaver Contribution RM500/month
myWaiver Waiver of contribution upon diagnosis of CI	myPA Sum Covered RM350,000

WHAT DOES THE PLAN COVER?

DEATH (For any reason) – His family (beneficiaries) will receive:

- RM10,000 as Accelerated Death Expense Benefit in advance to cover the funeral expenses; and
- RM340,000 as the balance of the sum covered for them to live their life comfortably ("Hibah").

DEATH (Due to an accidental event) – His family will receive additional benefit of RM350,000. Thus, the total benefit that his family will receive is RM700,000.

DEATH (Due to an accidental event while travelling as a passenger in a public conveyance)

– His family will receive additional benefit of RM700,000. Thus, the total benefit that his family will receive is RM1,050,000.

TOTAL AND PERMANENT DISABILITY – He will receive RM350,000 as benefit which he can use to support his living expenses and pay for his treatment since he is no longer fit to work.

Critical Illnesses – Future contributions will be waived and savings will continue to grow up to maturity.

If Alive Until Maturity (60 years old) – If he is healthy until the age of 60, he will receive 100% of his remaining account value approximately RM263,750* including the savings that he has contributed on a monthly basis upon the expiry of his certificate. He can use the money to enjoy his retirement.

*The projected amount is based on 100% allocation to **myBalanced** Fund with 5% investment profit per annum. Please note the actual return might differ based on actual performance of the fund.

The above scenario is for illustration purposes only.



BASIC PLAN FEATURES

ENTRY AGE	Person Covered's age is from 14 days to 70 years old. If you are participating in this plan for your spouse or children, your age must be 19 years old and above. Note: The age above is referring to Age Next Birthday (ANB).
SUM COVERED	Basic coverage for death and TPD: <ul style="list-style-type: none">• minimum: RM10,000• maximum: subject to underwriting Note: Each additional rider has its own minimum and maximum sum covered too.
COVERAGE TERM	Choose to be covered up to age 25, 60, 70 or 80 years old.
CONTRIBUTION PAYMENT TERM	Monthly, quarterly, half-yearly or yearly.
DEATH BENEFIT	In the event of death during the coverage term, a lump sum amount equivalent to the following will be paid: <ul style="list-style-type: none">• the balance of basic sum covered after deducting Death Expense Benefit; and• the total account value*, if any. Note: *Total account value refers to any balance in the Participant Account (PA) plus any balance in the Investment-linked Fund(s), if applicable.
TPD BENEFIT	In the event of TPD before the age of 70 on the next birthday and during the coverage term, you will receive a lump sum amount that is equivalent to: <ul style="list-style-type: none">• the basic sum covered; and• the total account value, if any.



BASIC PLAN FEATURES

ACCELERATED DEATH EXPENSES BENEFIT	<p>In the event of death during the coverage term, a lump sum amount equivalent to the following will be paid, with no questions being asked:</p> <ul style="list-style-type: none">i. 10% of your basic sum covered; orii. up to RM10,000. <p>This benefit will be paid in advance and it will be accelerated from the basic sum covered.</p>															
EDUCATION EXCELLENCE REWARDS BENEFIT (for child cases only - compulsory to attach myPayor or myPayor Plus)	<table border="1"><thead><tr><th>Public Exams</th><th>Min. Requirement</th><th>Reward Per Distinction³</th></tr></thead><tbody><tr><td>SPM/GCSE¹</td><td>7A</td><td>RM125</td></tr><tr><td>STPM</td><td>3A</td><td>RM125</td></tr><tr><td>STAM²</td><td>7 Mumtaz</td><td>RM125</td></tr><tr><td>A Level</td><td>3A</td><td>RM125</td></tr></tbody></table>	Public Exams	Min. Requirement	Reward Per Distinction ³	SPM/GCSE ¹	7A	RM125	STPM	3A	RM125	STAM ²	7 Mumtaz	RM125	A Level	3A	RM125
Public Exams	Min. Requirement	Reward Per Distinction ³														
SPM/GCSE ¹	7A	RM125														
STPM	3A	RM125														
STAM ²	7 Mumtaz	RM125														
A Level	3A	RM125														
Note: ¹ GCSE stands for General Certificate of Secondary Education, equivalent to SPM. ² STAM stands for Sijil Tinggi Agama Malaysia, equivalent to STPM, which is offered to Lower 6 students. ³ Grade A refers to A-, A, and A+.	The reward payout is subject to these conditions: <ul style="list-style-type: none">i. The certificate must be in force at least 1 year before the child sits for the exam.ii. The contribution payment is up-to-date.iii. The reward for each exam is on a per-life basis.															
MATURITY BENEFIT	The total account value on the maturity date, if any, will be paid.															
CONTRIBUTION	i. The contribution rates differ based on the sum covered amount, entry age, gender and the smoking status of the person covered. ii. Extra contributions due to medical loading and/or occupation loading may be imposed subject to the underwriting decision.															



CHARGES AND FEES

FEE	DESCRIPTION
Wakalah Fee	<p>This is to manage your coverage. The fee is derived from your paid contribution minus the contribution allocation rate.</p> <p><i>Wakalah</i> refers to a contract where one party as the principal authorises another party to act on his/her behalf to perform certain tasks in matters that can be delegated. Under this plan, Takaful Malaysia have been authorised to manage your plan and in return, Takaful Malaysia will receive a <i>Wakalah</i> Fee for the services provided.</p>
Service Charge	<p>Applicable for basic coverage and riders:</p> <ul style="list-style-type: none">• RM5/month for a basic certificate and myMedic• RM1/month for other additional riders (except mySaver)
Fund Management Charge (only for Investment-linked Funds)	<p>Minimum: 1.0% of NAV per annum</p> <p>Maximum: 1.5% of NAV per annum</p> <p>Note: NAV refers to Net Asset Value.</p>
Surrender Charge	No Charges
Partial Withdrawal Charge	No Charges
Fund Switching Charge	No Charges



IMPORTANT NOTES

- Takaful is a mutual assistance (Ta'awun) scheme based on the principles of solidarity, brotherhood, and cooperation. Each participant agrees to contribute on the basis of *Tabarru'* (donation) into a pool fund, namely the Participant's Special Account, which will be used to assist each other. *Tabarru'* refers to donation, where under this plan, participants donate part of their contributions to help other participants. Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") will invest and manage this fund on behalf of the participants with an investment strategy that complies with Shariah principles.
- You should satisfy yourself that this plan will best serve your needs and that the contribution payable under this plan is the amount that you can afford.
- The principal amount and the investment profit arising from the Participant Account (PA) and Investment-linked Funds (if any) are not guaranteed and will be based on the actual fund performance.
- The risk of investment is borne solely by you and the benefits may be less than your total contributions paid.
- You are advised to make the contribution payment regularly to enjoy continuous coverage. Your certificate will lapse and no coverage will be provided when your balance in the PA and Investment-linked Funds (if any) are exhausted.
- You may receive the total account value (if any) upon surrender or maturity, which may be less than the total amount of contribution that you have paid.
- Any revision of the fees and charges or contribution will be made on the certificate anniversary, and Takaful Malaysia will notify you by giving you thirty (30) days' advance notice.
- There is a free-look period of fifteen (15) calendar days from the delivery date of the e-Certificate for you to review and decide whether you want to continue with the plan. If you wish to discontinue, you may cancel the certificate and get a full refund of your contributions paid.
- The exclusions and limitations of the benefits highlighted are not exhaustive. Takaful Malaysia hereby disclaims any liability of whatever nature should you suffer losses merely by relying on the information contained herein.
- You may qualify for income tax relief under the Family Takaful (life), medical and education category. For the education category, you must attach **myPayor** or **myPayor Plus**. The tax relief is subject to the approval of the Inland Revenue Board of Malaysia.



EXCLUSIONS

DEATH

Takaful Malaysia will not be liable to pay any benefit under the certificate for death of the person covered due to suicide, while sane or insane, within the first (1) year from the Commencement Date or any Reinstatement Date, whichever is later.

TOTAL AND PERMANENT DISABILITY (TPD)

Takaful Malaysia will not be liable to pay any benefit under the certificate for TPD of the person covered:

- i. that existed prior to or on the Commencement Date or any Reinstatement Date of the certificate whichever is later;
- ii. is directly or indirectly, caused by, a consequence of, arises in connection with or is contributed to by any Pre-existing Condition where TPD occurring within the first twelve (12) months from the Commencement Date or any Reinstatement Date of the certificate, whichever is later; or
- iii. is resulting directly or indirectly from any of the following causes:
 - attempted suicide or self-inflicted injuries, while sane or insane;
 - aviation, gliding or any other form of aerial flight other than as a pilot, cabin crew or fare paying passenger of a recognised airline or chartered service;
 - war (whether war be declared or not), revolution or any war like operation;
 - any violation of law by the person covered or any assault or felony as committed, attempted or provoked by him;
 - while under the influence of alcohol, narcotics, or mind altering substance; or
 - Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS), infection by Human Immunodeficiency Virus (HIV) or related conditions.

The exclusions and limitations stated above are not exhaustive and you should refer to the certificate wording for further information.

This page intentionally left blank



DISCLAIMER

- Visuals are for illustration purposes only.
 - Agrobank is a full-fledged Islamic Bank since July 2015.
 - Subject to terms and conditions and any changes from time to time.
 - This brochure provides general information only. It is not a Takaful Contract.
 - You are advised to refer to the marketing illustration, certificate wording and product disclosure sheet for detailed information regarding the important features, exclusions, terms and conditions of the plan for better understanding before participating in this plan.
 - For more information, please call the **Agrobank Contact Centre** at **1-300-88-2476** or visit **www.agrobank.com.my** or visit any Agrobank branches nationwide.
-

Distributed by:



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (811810-U)
Lebuh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur, Malaysia.

Managed by:



SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD 198401019089 (131646-K)
Licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

27th Floor, Annexe Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur.
www.takaful-malaysia.com.my



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Protecting Your Insurance And Deposits In Malaysia

The benefit(s) payable under eligible certificate is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System ("TIPS") brochure or contact Takaful Malaysia or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

